

05 DEC 1999

Mahathir - Perlis

SHAHIDAN KASSIM DILANTIK SEMULA MB PERLIS

JITRA, 5 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan Datuk Seri Shahidan Kassim kekal sebagai Menteri Besar Perlis.

"Saya sudah beri surat pelantikan kepadanya," kata Perdana Menteri.

Bercakap pada sidang berita selepas menghadiri majlis jamuan kesyukuran Barisan Nasional Kubang Pasu di sini, Dr Mahathir berkata beliau memerlukan masa untuk memilih Menteri Besar Kedah yang baru.

Pemilihan itu akan dibuat secepat mungkin, katanya.

Semalam, Tan Sri Sanusi Junid mengumumkan tidak akan menjadi Menteri Besar Kedah lagi.

Ditanya mengenai kriteria bakal Menteri Besar Kedah, Dr Mahathir berkata orang itu mestilah anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dan semua anggota dewan itu layak untuk memegang jawatan itu.

Menjawab soalan sama ada calon Menteri Besar itu mestilah dari kalangan tokoh agama, beliau berkata semua ahli UMNO adalah `religious' (patuh kepada agama).

"Saya tidak lihat ada kalangan ahli UMNO yang tidak `religious'," katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah mempunyai calon pilihan, Perdana Menteri berkata beliau memerlukan masa untuk memikirkannya.

"Kita akan lantik secepat mungkin. Tapi, tidak tahu secepat mana," katanya.

Mengenai hasrat kerajaan baru PAS di Terengganu yang mahu berbincang dengan kerajaan pusat untuk meminta tambahan royalti minyak, Dr Mahathir berkata itu hak mereka (kerajaan Terengganu) untuk meminta.

"Kita kena kaji dulu permintaan itu. Sekarang, tiada kerajaan persekutuan kerana kabinet belum dibentuk. Saya tiada hak bercakap mengenai perkara itu," katanya.

Dalam manifesto PAS bagi negeri Terengganu pada pilihan raya umum ke-10, ia menyatakan untuk meminta tambahan 15 peratus daripada kerajaan pusat sekiranya membentuk kerajaan negeri.

Kerajaan Terengganu ketika ini diberi royalti minyak sebanyak lima peratus.

Dr Mahathir juga berkata beliau masih memerlukan Tan Sri Osman Aroff sebagai wakil peribadinya di kawasan Parlimen Kubang Pasu kerana desakan tugas di Kuala Lumpur menyebabkan beliau masih memerlukan bantuan di kawasan itu.

"Saya berharap Osman akan terus bertindak sebagai wakil di sini," katanya.

Osman, bekas menteri besar Kedah, ketika ditemui kemudiannya berkata pada mulanya beliau menjangkakan tugasnya sebagai wakil Dr Mahathir telah berakhir apabila pilihan raya tamat.

Beliau mula menjalankan tugas itu 24 Feb lepas.

-- BERNAMA

MZM JM MAI